

15/03/1999

Bumiputera Islam Sabah yakin pembelaan Umno

Manja Ismail

KEMENANGAN Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya Sabah kesembilan kelmarin membuktikan satu perkara - pengesahan sebahagian besar rakyat Sabah, khususnya Bumiputera Islam - terhadap kemampuan Umno untuk membela nasib mereka.

Keputusan itu juga melakarkan garis pemisah yang jelas di antara Bumiputera Islam dan Bumiputera bukan Islam - jurang perbezaan yang agak membimbangkan jika tidak dirapatkan secara bijaksana oleh BN dan Parti Bersatu Sabah (PBS).

Umno memenangi semua 24 kerusi yang ditandinginya di kawasan majoriti pengundi Bumiputera Islam, manakala 14 daripada 17 kerusi yang dimenangi PBS, membabitkan kawasan majoriti Bumiputera bukan Islam. Parti pimpinan Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan itu hanya kehilangan satu kubu kuatnya, Ranau.

Daripada tujuh baki kerusi BN, tiga dimenangi Parti Maju Sabah (SAPP); dua Parti Liberal Demoratik (LDP) - semuanya kawasan majoriti pengundi Cina; dan dua oleh Parti Demokratik Sabah (PDS) yang bertanding di 12 kawasan.

Selain Ranau, PDS menang di Kuala Penyu, kawasan majoriti Bumiputera Islam. Bagaimanapun, dua lagi parti Kadazandusun yang menjadi komponen BN, Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) dan Akar, gagal memenangi sebarang kerusi.

Kawasan majoriti Bumiputera Islam tunggal yang dimenangi PBS ialah Kuamut, melalui Timbalan Presidennya, Malek Chua, dengan majoriti 509 undi.

Berdasarkan senario itu, kebanyakan masyarakat Bumiputera bukan Islam, terutama Kadazandusun ternyata belum bersedia untuk keluar daripada sentimen perkauman dan kenegerian yang dimainkan oleh PBS.

Mereka juga belum sudi memaafkan sebahagian besar bekas pemimpin parti itu yang menyertai BN selepas Pilihan Raya Umum 1994 termasuk Ketua Menteri merangkap Presiden PDS, Tan Sri Bernard Dompok sendiri.

Selain Dompok, pemimpin masyarakat Kadazandusun lain yang turut kecundang ialah Timbalan Presiden PDS, Datuk Wilfred Bumburing dan Presiden PBRS, Datuk Joseph Kurup yang juga Timbalan Ketua Menteri. Pada pilihan raya 1994, semua pemimpin ini menang atas tiket PBS sebelum menyertai BN.

Gambar katak pada papan tanda PBS ketika kempen di kebanyakan kawasan yang ditandingi calon BN daripada kalangan bekas pemimpin PBS ini, sedikit sebanyak mempengaruhi masyarakat Kadazandusun.

Bagi Umno Sabah, kejayaan memenangi semua 24 kerusi yang ditandinginya boleh dianggap kemampuannya menyelesaikan masalah dalaman di kawasan tertentu terutama berhubung pemilihan dan masalah peribadi calon. Sebelum ini, laluan di beberapa kawasan dikatakan agak sukar kerana masalah berkenaan.

Bagaimanapun, kedatangan pemimpin Umno Pusat khususnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dapat menyejukkan ahli dan pemimpin Umno di kawasan terbabit untuk mengutamakan kepentingan parti daripada individu, dalam memastikan kemenangan BN.

Kehadiran Bersekutu pimpinan bekas Ketua Menteri, Datuk Harris Salleh yang bertanding di semua 48 kawasan, walaupun gagal memenangi sebarang kerusi, menjadi faktor penting dalam mencorakkan keputusan pilihan raya Sabah kesembilan.

Memang sebahagian besar calonnya kehilangan wang pertaruhan, manakala Harris sendiri tewas di tangan Presiden SAPP, Datuk Yong Teck Lee, dengan perbezaan yang besar, 4,962 undi. Bagaimanapun, kemampuan calonnya mencatat jumlah undi agak besar di lima kawasan majoriti Cina iaitu Sembulan, Elopura, Tanjung Papat, Karamunting dan Sri Tanjung hampir mengubah keputusan malam kelmarin.

Kerusi Sembulan dimenangi PBS dengan majoriti 303 undi apabila calonnya, Yong Oui Fah (5,464 undi), menewaskan penyandang daripada BN, Datuk Chau Chin Tang (5,161 undi). Tanpa kehadiran calon Bersekutu, Dr Tan Kok Sui yang mendapat 2,109 undi, BN mungkin dapat mengekalkan kerusi itu.

Begitu juga dengan kawasan Sri Tanjung. Penyandanginya, Datuk Michael Lim Yun Sang (BN) mendapat 5,007 undi, tewas kepada calon PBS, Samson Chin Chee Tsu yang memungut 8,759 undi. Calon Bersekutu, Shanty Chong Chui Lin mendapat 3,814 undi. Kawasan itu mempunyai 26,981 undi dengan 15,749 pengundi Cina, 10,513 Bumiputera Islam dan 931 Bumiputera bukan Islam.

BN juga mungkin boleh merampas kerusi Kuamut, yang mempunyai 6,844 undi Bumiputera Islam, daripada PBS jika tiada calon Bersekutu. Malek Chua (PBS) mendapat 3,286 undi menewaskan Datuk Joseph Sitin Saang (BN) yang mendapat 2,777 undi di kawasan yang mempunyai 10,362 pengundi itu. Calon Bersekutu di situ, Ali Latip Taha mendapat 1,371 undi.

Bagi beberapa kawasan majoriti Bumiputera Islam, jumlah undi calon BN mungkin lebih tinggi jika tiada calon Bersekutu bertanding. Walaupun PBS menjadi pencabar utama di Sekong, Lahad Datu, Sulabayan, Senallang, Balung dan Merotai, jumlah undi calon Bersekutu lebih tinggi daripada majoriti yang dicatat oleh BN.

Kehadiran Bersekutu juga turut merugikan PBS. Ramalan parti itu mempunyai harapan cerah di Elopura, Tanjung Papat dan Karamunting sebelum ini, mungkin menjadi kenyataan jika tiada calon Bersekutu, yang memungut jumlah undi memberangsangkan.

Tidak kurang menarik perhatian ialah cubaan kedua Pas untuk memikat hati rakyat Sabah dalam pilihan raya kali ini. Malangnya kehadiran parti itu, yang bertanding di enam kerusi hanya meletakkan kedudukannya sama rendah dengan Parti Setia Sehati Rakyat Bersatu Sabah (Setia) dan Pertubuhan Kebangsaan Pasok Nunukragang (Pasok), yang dianggap 'hidup segan mati tak mahu' di negeri ini.

Walaupun pemimpin kanan parti itu turut membantu kempen pada saat akhir, Pas bukan saja tewas dan hilang wang pertaruhan di semua enam kawasan yang ditandinginya, malah hanya berupaya memungut 1,352 undi atau 0.26 peratus undi popular.

Pas sepatutnya belajar daripada DAP, yang pernah kecundang di Sabah, daripada menghabiskan masa dan tenaga untuk memikat rakyat Sabah yang belum dapat menerima perjuangan mereka. DAP sudah belajar daripada kekalahannya di Sabah dan kerana itu, walaupun tidak bertanding, ia dikatakan membantu PBS secara diam-diam.

Kekalahan semua calon Bebas, sebahagian besarnya hilang wang pertaruhan memang sudah diduga. Namun, kehadiran mereka, selain menambah memeriahkan pilihan raya kali ini, sekurang-kurangnya membuktikan kebebasan berpolitik, satu daripada cabang utama demokrasi, masih subur di negara ini.

(END)